

TERMS AND CONDITIONS FOR AUTO BALANCE CONVERSION ("T&C")

This Auto Balance Conversion Terms and Conditions will take effect from 30 September 2025.

REMINDER: All Cardholders are hereby reminded to read and understand the terms and conditions below and other general terms and conditions which are also available at www.ambank.com.my as at the date hereof. If you do not understand any of the terms and conditions below, you are advised to discuss with the Bank's staff or authorized representative.

By participating in this AmBank (M) Berhad [Registration No. 196901000166 (8515-D)] ("**AmBank**") and AmBank Islamic Berhad [Registration No. 199401009897 (295576-U)] ("**AmBank Islamic**") (collectively referred to as the "**Bank**") Auto Balance Conversion ("**ABC**" or "**ABC Plan**" or "**Programme**"), the Cardholder (as defined herein) agrees to be bound by this T&C including any amendments or variation made hereto. The following words and expression shall have the following meaning, unless the context otherwise.

ELIGIBILITY

1. The Programme allows Eligible Cardholder(s) to pay Credit Card/Credit Card-i outstanding principal balances by instalments over thirty-six (36) months ("**Conversion Tenure**").
2. The Programme is only for Cardholders with the following criteria ("**Eligible Cardholder**"):
 - a. Malaysian with an annual income of not exceeding Ringgit Malaysia Sixty Thousand (RM60,000) as per latest Bank's record;
 - b. average payment ratio for the previous twelve (12) months does not exceed 10% (i.e. for the past twelve (12) months where average payment made of 10% or less of outstanding balances);
 - c. consistent revolver over the past twelve (12) months (i.e. the Eligible Cardholder has not made any full payment of his statement balance over the past twelve (12) months);
 - d. Credit Card/Credit Card-i account is current and not delinquent at the point of conversion;
3. Upon assessment, the Bank will notify the Eligible Cardholder either through a short message service ("**SMS**") or email.
4. If the Eligible Cardholders chooses to opt out from the Programme, the Eligible Cardholder may contact the Bank's Contact Centre at +603 2178 8888 to opt-out.

CONVERSION AMOUNT

5. Upon the enrolment of the Programme, the "**Conversion Amount**" / *outstanding principal balance conversion amount* will be converted to a term loan/ financing and shall be payable by the Eligible Cardholder in thirty-six (36) fixed monthly instalments ("**Monthly Instalments**") and the statement for the Monthly Instalments comprising the principal portion and interest/ *management fee* portion will be reflected in the next Credit Card/Credit Card -i statement. The calculation of the Monthly Instalments in the manner as stipulated in the Product Disclosure Sheet.
6. Notwithstanding any active participation of the Eligible Cardholder under the Programme ("**Current Active Enrolment**"), the Bank may only assess the new outstanding balances incurred by the Eligible Cardholder for another automatic enrolment into the Programme after twelve (12) months from the date the Bank last assessed the Eligible Cardholder for the Current Active Enrolment and that any enrolment pursuant to the updated assessment made shall subject to the terms and conditions stipulated herein.
7. Eligible Cardholders will receive a notification upon each successful conversion and may refer to such notification for the details of the Conversion Amount.

ACCOUNT

8. The Eligible Cardholder has a thirty (30) days cooling-off period after the date of commencement of the Programme to cancel a conversion in respect of a first-time conversion.
9. If Cardholders elect to cancel their first time conversion during the cooling-off period, the Conversion Amount will be reversed back into their account and the existing applicable finance charges/ *management fees* will continue to be chargeable (as opposed to finance charges/ *management fees* applicable for Conversion Amount) as if the conversion did not take place.
10. The Monthly Instalment is a fixed amount and shall be payable in full on or before the payment due date failing which, late payment charge as stipulated in the Product Disclosure Sheet will be charged and shall be payable in full on the due date payment as stated in the next statement. The late payment charge shall be payable before, as well as after any court order or judgement
11. Refunds will be made to Eligible Cardholder, in the event there is a dispute in respect of the transactions which forms part of the Conversion Amount.
12. Any pre-payment or excess payment of the Monthly Instalments will not reduce the outstanding principal amount and will be treated by the Bank as advance payment.
13. AmBank shall impose finance charges at the rate stipulated in Product Disclosure Sheet on any unpaid monies due and remaining unpaid to AmBank under the Programme after its relevant due date calculated on a daily balance basis on each payment due date stated in the Statement. The finance charges will be charged to the Eligible Cardholder's account and calculated from the date first posted in the statement until full payment is received. Such finance charges/ management fee accrued shall be payable in full on the due date payment stated in the next statement.
14. The Conversion Amount is taken from the total available credit limit for all the Eligible Cardholder's Credit Card/Credit Card-i account(s), including his/her supplementary Credit Card/Credit Card-i account(s) and any monies owing thereunder will reduce the Eligible Cardholder's available Credit Card/Credit Card-i limit. The Eligible Cardholder's available Credit Card/Credit Card-i limit will be restored progressively pursuant to the payment of the principal amount under each Monthly Instalment.

NO BONUS POINTS, MILES OR CASH REBATES

15. Transactions effected under this Programme will not be Eligible for any bonus points, bonus miles or cash rebates.
16. The Eligible Cardholder may early settle the outstanding balances under the Programme before the expiry of the Conversion Tenure by contacting Contact Centre at +603 2178 8888, to notify the Bank thirty (30) days' notice of its intention of early settlement. In making the early settlement, the Eligible Cardholder must pay AmBank the total outstanding balance of the Conversion Amount owing under the Eligible Cardholder's Account. For Credit Card-i, the Bank shall grant rebate, if any, to Cardholder upon full settlement of the Programme before maturity of Conversion Tenure.

RIGHT TO DECIDE AND REJECT

17. The Bank's decision on all matters relating to the Programme including but not limited to the eligibility of the Eligible Cardholder and/or approval and/or rejection of the conversion for the Programme shall be final and binding on all eligible Cardholders unless there is undisputable error.
18. If the Eligible Cardholder is enrolled into the Programme but the Bank subsequently discovers that the Eligible Cardholder was ineligible or has breached any of the terms and conditions herein or any of the Terms and Conditions or does not have enough credit limit under the Account, the Bank reserves the right to revoke the conversion and cancel the Cardholder's enrolment under the Programme. The Conversion Amount will be reversed back into the Eligible Cardholder's account as if the conversion did not take place and the usual applicable finance charges/ management fees will continue to be chargeable.

19. If the Eligible Cardholder fails to make his Monthly Payments for three (3) consecutive months regardless of whether an event of default has occurred, the Bank shall be entitled to terminate the Programme made available to the Eligible Cardholder by giving reasonable notice, whereupon the total principal amount of the Conversion Amount owing together with the applicable finance charges/management fee, accrued fees and charges, late payment charges and the balance of all other monies due and owing under the Eligible Cardholder's Account will be due and payable immediately, which the Bank will be entitled to demand from the Eligible Cardholder in full.
20. Without prejudice to Clause 22, if the Eligible Cardholder is in breach of any terms and/or conditions of the Eligible Terms and Conditions or these terms and conditions or in the event of termination of the Card/Card-i for whatsoever reason, all monies due and owing under the Programme comprising of the total principal amount of the Conversion Amount owing together with the applicable finance charges/management fee, fees and charges (including and late payment charges) will immediately become due and payable by the Cardholder. For Credit Card-i, the Bank shall grant rebate, if any, to Cardholder upon full settlement of the Programme in cases of default by the Cardholder.

GENERAL TERMS AND CONDITIONS

21. The Bank may cancel, terminate or suspend the Programme by giving reasonable notice to the eligible Cardholder and the Bank shall not be liable for any claim, losses or damages of the Cardholders as a result of the cancellation, termination or suspension by the Bank save for those claim, losses or damages that were directly attributable to the Bank's gross negligence, wilful default or fraud.
22. the Bank may vary, amend, delete or add to any of these terms and conditions herein at any time by giving the Eligible Cardholder twenty one (21) calendar days' prior notice and the duly amended terms and conditions shall become effective on such date as the Bank may determine and specify in the notice.
23. The terms and conditions herein are in addition to and supplement the terms and conditions stated in the Cardholder Agreement. In the event of any inconsistency between the terms and conditions herein and the Cardholder Agreement, the terms and conditions herein shall prevail.
24. To the extent permitted by law, the Bank shall not be liable to the Eligible Cardholder(s) when any Force Majeure event occurs. "Force Majeure" refers to any unforeseen events and/or circumstances not within the reasonable control of the Bank, which the Bank is unable to prevent, avoid or remove including but not limited to any fire, earthquake, flood, epidemic, accident, explosion, casualty, lockout, riot, civil disturbance, act of public enemy, natural catastrophe, embargo, war or act of God.
25. The Bank shall not be liable to the Eligible Cardholder or any party for any loss or damage of whatsoever nature suffered by the Eligible Cardholder or any party (including but not limited to, loss of income, profits/management fees or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party) howsoever arising, in relation to the participation or non-participation in the Programme unless the same is caused directly by the Bank wilful default or gross negligence.
26. For any assistance, the Eligible Cardholder may contact the follow for assistance and redress:
 - i. If you have difficulties in making payment, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:
AmBank (M) Berhad
Address : P.O. BOX 12938
50794 Kuala Lumpur
Tel : +603 2178 8888
Fax : +603 2171 3171
Email : customercare@ambankgroup.com or Visit Website: www.ambank.com.my
 - ii. Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for individuals.

You can contact AKPK at:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Address : Tingkat 8, Maju Junction Mall

1001 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel : +603 2616 7766

Email : enquiry@akpk.org.my

- iii. If you wish to query on the products or services provided by us, you may contact us at:

AmBank (M) Berhad

Address : P.O. BOX 12938

50794 Kuala Lumpur

Tel : +603 2178 8888

Fax : +603 2171 3171

Email : customercare@ambankgroup.com or Visit Website: www.ambank.com.my

- iv. If your query that is not satisfactorily resolved by us, you may contact:

Bank Negara Malaysia - BNMLINK at:

Address : 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1300 88 5465

Fax : +603 2174 1515

Website : bnm.gov.my/BNMLINK [bnm.gov.my]

[END]

TERMA DAN SYARAT UNTUK PERTUKARAN BAKI AUTOMATIK ("T&C")

Terma dan Syarat Pertukaran Baki Automatik ini akan berkuat kuasa mulai 30 September 2025.

PERINGATAN: Semua Pemegang Kad dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah serta terma dan syarat am lain yang juga boleh didapati di www.ambank.com.my pada tarikh ini. Jika anda tidak memahami mana-mana terma dan syarat di bawah, anda dinasihatkan untuk berbincang dengan kakitangan Bank atau wakil yang diberi kuasa.

Dengan menyertai AmBank (M) Berhad ini [No. Pendaftaran 196901000166 (8515-D)] ("**AmBank**") dan AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran 199401009897 (295576-U)] ("**AmBank Islamic**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") Pertukaran Baki Automatik ("**ABC**" atau "**Pelan ABC**" atau "**Program**"), Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&C ini termasuk sebarang pindaan atau perubahan yang dibuat di sini. Perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna berikut, melainkan konteksnya sebaliknya.

KELAYAKAN

1. Program membenarkan Pemegang Kad Layak membayar baki pokok tertunggak Kad Kredit/Kad Kredit-i secara ansuran dalam tempoh tiga puluh enam (36) bulan ("**Tempoh Pertukaran**").
2. Program ini hanya untuk Pemegang Kad yang mematuhi kriteria berikut ("**Pemegang Kad Layak**"):
 - a. Rakyat Malaysia dengan pendapatan tahunan tidak melebihi Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu (RM60,000) menurut rekod Bank yang terakhir;
 - b. nisbah pembayaran purata untuk tempoh dua belas (12) bulan lepas tidak melebihi 10% (iaitu untuk tempoh dua belas (12) bulan lepas dengan purata pembayaran yang dibuat ialah 10% atau kurang daripada baki tertunggak);
 - c. tidak membuat bayaran penuh secara konsisten dalam tempoh dua belas (12) bulan (iaitu Pemegang Kad Layak tidak membuat bayaran penuh baki penyatanya sepanjang tempoh dua belas (12) bulan lepas
 - d. akaun Kad Kredit/Kad Kredit-i adalah berbayar dan tidak culas pada masa pertukaran;
3. Selepas penilaian, Bank akan memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak sama ada menerusi perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS**") atau e-mel.
4. Jika Pemegang Kad Layak membuat keputusan untuk memilih tidak turut serta dalam Program, Pemegang Kad Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan Bank di +603 2178 8888 dan memilih untuk tidak turut serta.

JUMLAH PERTUKARAN

5. Selepas mendaftarkan diri dalam Program, "**Jumlah Pertukaran**" / jumlah pertukaran baki pokok tertunggak akan ditukarkan kepada pinjaman / pembiayaan bertempoh dan hendaklah dibayar oleh Pemegang Kad Layak menerusi tiga puluh enam (36) ansuran bulanan tetap ("**Ansuran Bulanan**") dan penyata bagi Ansuran Bulanan yang mencatatkan bahagian nilai pokok dan faedah/yuran pengurusan akan dipaparkan dalam penyata Kad Kredit/Kad Kredit-i berikutnya. Pengiraan Ansuran Bulanan dibuat seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk.
6. Walaupun dengan penyertaan aktif Pemegang Kad Layak di bawah Program ("**Pendaftaran Aktif Semasa**"), Bank hanya mempertimbangkan baki tertunggak baharu yang ditanggung oleh Pemegang Kad Layak untuk satu lagi pendaftaran automatik ke dalam Program selepas dua belas (12) bulan dari tarikh Bank kali terakhir mempertimbangkan Pemegang Kad Layak untuk Pendaftaran Aktif Semasa dan sebarang pendaftaran menurut pertimbangan terbaharu yang dibuat adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.
7. Pemegang Kad Layak akan menerima pemberitahuan selepas setiap pertukaran dan boleh merujuk kepada pemberitahuan tersebut untuk maklumat tentang Jumlah Pertukaran.

AKAUN

8. Pemegang Kad Layak mempunyai tempoh bertenang selama tiga puluh (30) hari selepas tarikh permulaan Program untuk membatalkan pertukaran bagi pertukaran kali pertama.
9. Jika Pemegang Kad membuat keputusan untuk membatalkan pertukaran kali pertama dalam tempoh bertenang, Jumlah Pertukaran akan dimasukkan semula ke dalam akaun mereka dan caj kewangan/ yuran pengurusan sedia ada yang berkenaan akan terus dikenakan (berbanding caj kewangan/ yuran pengurusan yang dikenakan bagi Jumlah Pertukaran) seolah-olah pertukaran tidak berlaku.
10. Ansuran Bulanan ialah jumlah tetap dan perlu dibayar secara sepenuhnya pada atau sebelum tarikh kena bayar, jika tidak, caj pembayaran lewat seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk akan dikenakan dan perlu dibayar sepenuhnya pada tarikh kena bayar seperti yang dinyatakan di dalam penyata berikutnya. Caj pembayaran lewat perlu dibayar sebelum, dan juga selepas mana-mana perintah atau keputusan mahkamah.
11. Pulangan akan dibuat kepada Pemegang Kad Layak, sekiranya terdapat pertikaian berhubung dengan transaksi yang membentuk sebahagian daripada Jumlah Pertukaran.
12. Sebarang prabayaran atau lebihan bayaran Ansuran tidak akan mengurangkan jumlah pokok tertunggak dan dianggap oleh Bank sebagai pembayaran awal.
13. AmBank akan mengenakan caj kewangan pada kadar yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk bagi sebarang wang belum dibayar dan masih belum dibayar kepada AmBank di bawah Program selepas tarikh kena bayar berkaitan yang dikira atas dasar baki harian dan dinyatakan di dalam Penyata. Caj kewangan akan dikenakan ke atas akaun Pemegang Kad Layak dan dikira dari tarikh catatan kali pertama di dalam penyata sehingga pembayaran penuh diterima. Caj kewangan/yuran pengurusan terakru perlu dibayar sepenuhnya pada tarikh kena bayar seperti yang dinyatakan di dalam penyata berikutnya.
14. Pemegang Kad Jumlah Pertukaran diambil daripada had kredit sedia ada bagi semua akaun Kad Kredit/Kad Kredit-i Pemegang Kad Layak, termasuk akaun Kad Kredit/Kad Kredit-i tambahan dan sebarang wang yang dihutang di bawahnya akan mengurangkan had Kad Kredit/Kad Kredit-i yang sedia ada. Had Kad Kredit/Kad Kredit-i sedia ada Pemegang Kad Layak akan dikembalikan secara berperingkat berasaskan pembayaran jumlah pokok bagi setiap Ansuran Bulanan.

TIADA MATA BONUS, MATA PERJALANAN BONUS ATAU REBAT TUNAI

15. Transaksi yang dilaksanakan di bawah Program ini tidak Layak untuk sebarang mata bonus, mata perjalanan bonus atau rebat tunai.
16. Pemegang Kad Layak boleh menjelaskan baki tertunggak lebih awal di bawah Program sebelum tamat Tempoh Pertukaran dengan menghubungi Pusat Hubungan di +603 2178 8888, untuk memaklumkan kepada Bank dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari tentang hasratnya untuk membuat penjelasan awal. Apabila membuat penjelasan awal, Pemegang Kad Layak mesti membayar AmBank jumlah baki tertunggak yang terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad Layak. Untuk Kad Kredit/Kad Kredit-i, Bank hendaklah memberikan rebat, jika ada, kepada Pemegang Kad selepas penjelasan penuh Program sebelum tamat Tempoh Pertukaran.

HAK UNTUK MENENTUKAN DAN MENOLAK

17. Keputusan Bank dalam segala hal berkaitan Program, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan Pemegang Kad dan/atau kelulusan dan/atau penolakan pertukaran Program adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad layak melainkan terdapat kesilapan yang tidak boleh dipertikaikan.
18. Jika Pemegang Kad Layak didaftarkan dalam Program tetapi Bank seterusnya mendapati bahawa Pemegang Kad Layak adalah tidak layak atau telah melanggar mana-mana terma dan syarat di dalam ini atau tidak mempunyai had kredit yang mencukupi di bawah Akaun, Bank berhak untuk menarik balik pertukaran dan membatalkan pendaftaran Pemegang Kad di bawah Program. Jumlah Pertukaran akan dimasukkan semula ke dalam akaun Pemegang Kad yang layak seolah-olah pertukaran tidak berlaku dan caj kewangan/ yuran pengurusan berkenaan yang biasa akan terus dikenakan.

19. Jika Pemegang Kad Layak tidak membuat Bayaran Bulanan untuk tempoh tiga (3) bulan berturut-turut tidak kira sama ada kegagalan pembayaran telah berlaku, Bank berhak menamatkan Program yang disediakan kepada Pemegang Kad Layak dengan memberi notis yang munasabah, dan jumlah pokok keseluruhan bagi Jumlah Pertukaran yang terhutang bersama caj kewangan / yuran pengurusan yang berkenaan, yuran dan caj terakru, caj pembayaran lewat dan baki semua wang lain yang kena bayar dan terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad Layak akan kena dibayar dan perlu dibayar serta-merta, dan Bank berhak untuk menuntut jumlah penuh daripada Pemegang Kad Layak.
20. Tanpa menjejaskan Fasal 22, jika Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana terma dan/atau syarat di bawah Terma dan Syarat Layak, atau terma dan syarat ini atau sekiranya berlaku penamatan Kad/Kad-i atas apa jua sebab, semua wang yang kena bayar atau terhutang di bawah Program yang meliputi jumlah pokok keseluruhan bagi Jumlah Pertukaran yang tertunggak bersama caj kewangan / yuran pengurusan yang berkenaan (termasuk caj pembayaran lewat) akan serta-merta kena dibayar dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad. Untuk Kad Kredit/Kad Kredit-i, Bank hendaklah memberikan rebat, jika ada, kepada Pemegang Kad selepas penjelasan penuh Program, dalam kes kegagalan pembayaran oleh Pemegang Kad.

TERMA DAN SYARAT AM

21. Bank boleh membatalkan, menamatkan atau menggantung Program dengan memberikan notis notis yang munasabah kepada Pemegang Kad Layak dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian atau ganti rugi Pemegang Kad disebabkan oleh pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank melainkan bagi tuntutan, kerugian atau ganti rugi yang disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya, kegagalan sengaja atau penipuan Bank.
22. Bank boleh mengubah, meminda, menggugurkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam ini pada bila-bila masa dengan memberikan dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad Layak dan terma dan syarat yang telah dipinda akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan atau dinyatakan oleh Bank dalam notis tersebut.
23. Terma dan syarat di dalam ini adalah sebagai tambahan kepada dan melengkapi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pemegang Kad. Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara terma dan syarat yang terkandung di dalam ini dan Perjanjian Pemegang Kad, terma dan syarat di dalam ini akan diguna pakai.
24. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad Layak apabila sebarang kejadian Force Majeure berlaku. "Force Majeure" merujuk kepada apa-apa kejadian dan/atau keadaan tidak diduga di luar kawalan munasabah Bank, yang tidak dapat dicegah, dielakkan atau diketepikan oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, kemalangan, letupan, nahas, sekatan masuk, rusuhan, kekacauan awam, tindakan musuh asing, bencana alam, embargo, peperangan atau malapetaka.
25. Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang bentuk kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad Layak atau mana-mana pihak (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan/yuran pengurusan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, ganti rugi sampingan, berturutan, teladan, punitif atau khas kepada mana-mana pihak) tidak kira bagaimana ia timbul, berhubung dengan tindakan mereka menyertai atau tidak menyertai Program, melainkan ia disebabkan secara langsung oleh kegagalan sengaja atau kecuaiannya Bank.
26. Untuk sebarang bantuan, Pemegang Kad Layak boleh menghubungi pihak-pihak yang berikut untuk mendapatkan bantuan dan penyelesaian:
 - i. Jika anda mempunyai masalah membuat bayaran, anda hendaklah menghubungi kami seawal yang mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:
AmBank (M) Berhad
Alamat : P.O. BOX 12938
50794 Kuala Lumpur
Tel : +603 2178 8888
Faks : +603 2171 3171

E-mel : customercare@ambankgroup.com atau Layari Laman Web: www.ambank.com.my

- ii. Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan hutang untuk individu.

Anda boleh menghubungi AKPK di: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall

1001 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel : +603 2616 7766

E-mel : enquiry@akpk.org.my

- iii. Jika anda ingin membuat pertanyaan tentang produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di: Address : P.O. BOX 12938

50794 Kuala Lumpur

Tel : +603 2178 8888

Faks : +603 2171 3171

Emel : customercare@ambankgroup.com atau Layari Laman Web: www.ambank.com.my

- iv. Jika pertanyaan anda tidak dijawab secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia - BNMLINK di:

Address : 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1300 88 5465

Faks : +603 2174 1515

Laman Web : bnm.gov.my/BNMLINK [bnm.gov.my]

[TAMAT]